

## REDHA

Redha dengan qada' Allah ialah salah satu daripada sifat mahmudah. Segala ketentuan Allah sama ada baik atau buruk diterima dengan syukur atau sabar.

### REDHA ATAS KETETAPAN ALLAH TA'ALA

Oleh: Abdul Rojak Lubis

Bumi dan isinya adalah milik Allah s.w.t. Allah s.w.t. menyatakan bahawa kerajaan langit dan bumi adalah milik-Nya (Surah Ali Imran, Ayat 159) serta menguasai atas apa yang terjadi di langit dan bumi. (Surah an-Nisa', Ayat 126).

Allah s.w.t. boleh berbuat sekehendak-Nya, sesuka-Nya atau apa-apa yang Dia mahu. Terserahlah kepada Allah untuk berbuat apa sahaja. Tidak ada yang mampu untuk menentang kehendak-Nya, kerana seluruh makhluk adalah dalam genggaman dan kuasa-Nya. Kita hanya dianjurkan untuk redha terhadap ketetapan Allah s.w.t.

Berkenaan dengan ketetapan Allah, ada ketetapan yang baik dan ada juga ketetapan yang buruk. Sebagai mukmin sejati, kita hendaklah senantiasa redha di atas ketetapan tersebut. Ini adalah kerana Allah s.w.t. menetapkan sesuatu bukan berdasarkan keinginan kita, melainkan menetapkannya berdasarkan keperluan kita dan keinginan Allah s.w.t.

Menurut Aidh al-Qarni dalam buku La Tahzan, "Sikap memilih-milih dalam menerima takdir bukanlah perilaku yang benar. Dengan kata lain, kita tidak dibenarkan hanya redha pada ketetapan Allah yang sesuai dengan keinginan kita dan marah apabila ketetapan Allah tidak sesuai dengan keinginan kita".

Semua manusia redha ke atas ketetapan Allah yang baik tetapi manusia sukar untuk menerima ketetapan yang buruk. Padahal, boleh jadi sesuatu yang tidak kita senangi adalah baik untuk kita dan boleh jadi sesuatu yang kita senangi adalah tidak baik untuk kita. (Surah al-Baqarah, Ayat 216).

Oleh itu, ketetapan Allah yang telah terjadi, sedang terjadi ataupun yang akan terjadi, mestilah dihadapi dengan keimanan. Selain dengan iman, hendaklah ada ikhtiar sebagai usaha untuk merealisasikan apa yang kita inginkan.

Allah s.w.t. berfirman, "Sesungguhnya Allah tidak mengubah keadaan sesuatu kaum sehingga mereka mengubah keadaan yang ada pada diri mereka sendiri". (Surah ar-Ra'd, Ayat 11)

Untuk menghindari rasa kecewa atau buruk sangka terhadap Allah s.w.t., setelah melakukan ikhtiar, kita hendaklah bertawakkal. Selepas dari itu, hendaklah kita ikhlas dan redha terhadap ketetapan dan keputusan Allah s.w.t.

Rasulullah s.a.w. bersabda, "Sesungguhnya jika Allah mencintai suatu kaum Dia menguji mereka. Barang siapa yang redha niscaya ia akan mendapat redha-Nya. Barang siapa kesal dan benci niscaya ia akan mendapat murka-Nya". (Hadith riwayat at-Tirmidzi).

Sesungguhnya, seseorang tidak dikatakan beriman jika dia tidak mengimani ketetapan (takdir) Allah. Beriman kepada ketetapan (takdir) Allah merupakan salah satu rukun iman yang enam. Justeru itu, setiap Muslim wajib mengimannya.

Rasulullah s.a.w. bersabda, "Tidak beriman salah seorang dari kamu sehingga dia beriman kepada takdir baik dan buruk dari Allah dan sehingga yakin bahawa apa yang menyimpannya tidak akan terlepas darinya serta apa yang terlepas darinya tidak akan menyimpannya". (Hadith riwayat at-Tirmidzi).

Keterbatasan ilmu manusia tidak akan dapat mencungkil rahsia di sebalik ketetapan Allah s.w.t., sehingga ada manusia menganggap Allah s.w.t. tidak adil dalam menetapkan takdir. Namun, suatu saat nanti manusia akan tahu bahawa yang ditetapkan oleh Allah s.w.t. adalah yang terbaik untuknya. Wallahu a'lam.

*Disaring dari – <https://www.fiqhislam.com/agenda/syariah-akidah-akhlak-ibadah/133579-ridho-atas-ketetapan-allah-ta-ala>*